

# Polis mula siasat ceramah Bunyamin

BH 1 AUG 2002

KUALA LUMPUR, Rabu—Polis hari ini memulakan siasatan terhadap penceramah Pas, Bunyamin Yaacob, mengikut Akta Hasutan 1948 kerana menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucu bersama cucunya.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan dan Undang-Undang Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Asisten Komisioner Ismail Omar, berkata siasatan itu dimulakan selepas menerima tiga laporan polis yang dibuat terhadap penceramah Bunyamin di Kelantan, Kedah dan Terengganu.

Katanya, siasatan itu dibuat mengikut Seksyen 4 (1)(b) Akta Hasutan 1948 dan iika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

“Polis Kelantan juga sudah diarah supaya mula menyiasat kes itu berkuat kuasa serta merta dengan mengumpul bahan bukti termasuk me-

neliti pita rakaman berkaitan ceramah Bunyamin yang dikatakan menuduh Dr Mahathir menonton video lucu bersama cucunya.

“Selain itu, keterangan penceramah itu serta saksi di tempat kejadian juga akan dirakam,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Tiga laporan yang dibuat terhadap Bunyamin termasuk di Pasir Mas, Kelantan oleh seorang kakitangan awam, Kamarul Bahrin Awang; laporan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pemuda Umno Terengganu, Tengku Zainuddin Tengku Zahid di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu dan satu lagi di Baling, Kedah.

Ismail berkata, siasatan kes itu akan dijalankan pasukan khas yang ditubuhkan, membabitkan anggota dan pegawai polis di peringkat ibu pejabat polis Bukit Aman dan Kelantan.

“Dalam siasatan kes ini, JSJ Bukit Aman akan bertanggungjawab menyelia dan me-

mantau keseluruhan hasil siasatan,” katanya.

Semalam, Timbalan Pengarah I Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Musa Hassan memaklumkan mengenai penubuhan sebuah pasukan khas untuk menyiasat tuduhan Bunyamin terhadap Dr Mahathir itu.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menyifatkan fuduhan Bunyamin itu sungguh biadap dan keterlaluan.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri juga mahu polis bertindak segera kerana cemuhannya Bunyamin itu menjejaskan imej Perdana Menteri.

Ismail berkata, laporan siasatan Dasukan khas yang ditubuhkan itu akan menentukan tindakan lanjut yang akan diambil terhadap Bunyamin.

“Siasatan yang bermula sekarang adalah prosedur biasa yang dijalankan, sebaik menerima laporan polis daripada orang awam,” katanya.